

OUCH!

DALAM ISU KALI INI...

- Pengenalan
- Kitaran Hayat Sesuatu Sistem Operasi
- Melindungi Diri Anda

Berakhirnya Windows XP

Pengenalan

Windows XP telah pun terbukti sebagai sistem operasi paling popular di dalam sejarah pengkomputeran dan di suatu ketika, ianya digunakan oleh hampir semua komputer di seluruh dunia. Walaubagaimanapun Windows XP telah 'tua' dan semua khidmat sokongan Microsoft untuknya akan ditamatkan tidak lama lagi. Pertama kali dikeluarkan lebih dua belas tahun yang lalu, Microsoft menjadualkan hayat Windows XP ditamatkan pada 8 April 2014. Ini bermakna Microsoft tidak lagi akan mengeluarkan sebarang kemas kini atau tampalan keselamatan. Dengan anggaran 25% daripada pengguna komputer di dunia masih menggunakan Windows XP (Windows 7 lebih popular), jutaan pengguna akan berdepan dengan risiko yang lebih besar apabila ini berlaku. Perlu diingati, bukan sahaja pengguna di rumah yang akan merasakan impaknya, bahkan Windows XP masih lagi digunakan di pejabat, sistem kawalan industri, mesin ATM, sistem kesihatan, terminal jualan dan peranti-peranti lain. Di bawah ini kami menerangkan risiko yang dihadapi apabila Windows XP tidak lagi mempunyai khidmat sokongan dan langkah yang boleh diambil untuk melindungi diri anda.

Editor Jemputan

Jason Fossen merupakan pakar keselamatan Microsoft Windows di Enclave Consulting LLC, pengarang kursus selama enam hari, Securing Window with the Critical Security Controls (SEC505), di SANS dan menulis skrip keselamatan PowerShell di <http://cyber-defense.sans.org/blog/>.

Kitaran Hayat Sistem Operasi

Anda mungkin tidak tahu, tetapi sistem operasi komputer anda mempunyai had jangka hayat. Pembekal yang mencipta sistem operasi tersebut akan menyediakan kemas kini dan tampalan yang menambah fungsi baru, meningkatkan tahap kestabilan dan prestasi serta memastikan sistem anda selamat. Masalahnya, lama-kelamaan khidmat sokongan akan dihentikan apabila mereka harus memfokuskan sumber-sumber untuk membangunkan teknologi yang lebih moden dan canggih. Ini bermakna apabila sesuatu sistem operasi tersebut tidak lagi disokong, pembekal tidak lagi akan mengeluarkan tampalan atau kemas kini walaupun mereka tahu komputer anda akan terdedah dan penjenayah siber boleh menggodamnya. Inilah yang akan terjadi kepada Windows XP selepas April nanti. Walaupun Microsoft tahu Windows XP mungkin terdedah dan penjenayah siber akan menyalahgunakan dedahan itu secara aktif, Microsoft tetap akan berhenti mengeluarkan tampalan untuk masalah tersebut.

Melindungi Diri Anda

Untuk melindungi diri anda, anda perlu menggunakan sistem operasi yang masih lagi mempunyai khidmat sokongan. Jika anda mampu, kami sangat mengesyorkan anda membeli komputer baharu. Kebanyakan komputer yang menggunakan Windows XP tidak mampu untuk menggunakan sistem operasi terkini. Jika anda

Berakhirnya Windows XP

tidak mampu untuk membeli komputer baru, sekurang-kurangnya naikanlah taraf sistem operasinya. Bagi organisasi pula, gangguan akibat peralihan tersebut mungkin dapat di kurangkan dengan berpindah kepada Windows 7 dan bukannya kepada Windows 8 kerana graphical interface Windows 7 hampir menyerupai Windows XP. Walaubagaimanapun, Windows 8 lebih selamat berbanding versi sebelumnya disebabkan oleh peningkatan perisian yang ketara. Sebagai tambahan, terdapat sistem operasi daripada pembekal lain yang boleh anda pertimbangkan seperti MAC OS X oleh Apple. Apa pun, sekarang adalah masa untuk anda bertukar kerana masa kian suntuk untuk berbuat demikian. Jika anda tidak dapat menukar Windows XP sebelum April, pertimbangkan langkah-langkah berikut.

- Hanya gunakan komputer Windows XP untuk fungsi atau aplikasi yang terpaksa anda gunakan. Sebagai contoh, mungkin organisasi anda menggunakan program lama yang hanya boleh digunakan dalam Windows XP dan inilah sebabnya mengapa anda tidak boleh menaik taraf. Jika itulah sebabnya, jangan gunakan komputer tersebut untuk kegunaan lain, seperti e-mel atau melayari internet.
- Jika anda perlu menggunakan Windows XP untuk melayari internet, berhenti menggunakan Internet Explorer dan gunakan pelayar lain seperti Mozilla Firefox, Google Chrome atau Opera. Pastikan anda sentiasa mengemaskini pelayar tersebut dan pembekal meneruskan khidmat sokongan untuk Windows XP.
- Berhenti menggunakan sebarang aplikasi yang terbina dalam Windows XP yang membuka fail di internet seperti Windows Media Player. Sebaliknya gunakan aplikasi lain daripada pembekal lain yang dikemaskini secara kerap.
- Pertimbangkan untuk menggunakan servis keselamatan rangkaian seperti OpenDNS yang percuma. Perkhidmatan seperti ini melindungi sistem anda daripada mengunjungi laman sesawang berniat jahat yang diketahui. Sebagai tambahan, sesetengah perkhidmatan boleh mengenal pasti sama ada komputer anda membuat cubaan untuk berhubung dengan pelayar pusat arahan dan kawalan Botnet, petunjuk bahawa komputer anda telah dijangkiti.
- Pastikan sebarang perisian keselamatan yang telah anda pasang, seperti anti-virus, masih lagi di sokong dan diselenggarakan untuk Windows XP.



Apabila Windows XP tidak lagi disokong, cara terbaik untuk melindungi diri anda adalah dengan berhijrah kepada sistem operasi baharu yang mempunyai khidmat sokongan aktif pembekal, yang memastikan ianya sentiasa terkini.

Berakhirnya Windows XP

- Jika komputer anda tidak perlu disambungkan kepada internet (sebagai contoh anda hanya menggunakannya untuk pemprosesan perkataan) putuslah hubungannya dengan rangkaian. Jika ianya perlu disambungkan kepada rangkaian, pastikan ianya dilindungi oleh firewall, dan firewall tersebut menghalang sebarang trafik kepadanya. Bagi organisasi, anda mungkin mahu mengasingkan kesemua komputer Windows XP ke rangkaian yang berasingan, jadi jika ianya dijangkiti ia tidak akan merebak ke seluruh organisasi anda.
- Lakukan back-up sekerap mungkin pada komputer Windows XP anda sebagai persediaan sekiranya ianya dijangkiti. Simpan sekurang-kurangnya salah satu daripada back-up ini di luar talian seperti di dalam pemacu USB yang tidak disambungkan. Jika anda terpaksa memulihkan sistem anda, pertimbangkan untuk membuat pemulihan ke dalam komputer yang baharu. Jika dipulihkan kembali dengan Windows XP, kemungkinan besar ianya akan dijangkiti semula.

Jika anda menggunakan Windows XP dalam organisasi, majikan anda mungkin mempunyai beberapa langkah tambahan untuk anda ikuti. Ingat, ini hanyalah langkah jangka pendek untuk mencegah, bukan menggantikan sistem operasi yang dikemas kini dan benar-benar selamat. Lambat-laun anda perlu berhijrah ke sistem baharu.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

Sumber

Microsoft EOL Announcement:

www.microsoft.com/en-us/windows/enterprise/endofsupport.aspx

OpenDNS:

www.opendns.org

Migration Guide:

<http://www.zdnet.com/windows-xp-end-of-life-migration-guide-7000023800/>

OUCH: Backup & Recover:

<http://www.securingthehuman.org/ouch/2013#september2013>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 3.0](http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis

Translated by: Saravanan Kulanthaivelu, Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie